

0071
MAHATHIR

1776

MUAR, 22 MEI (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD BERHARAP PARA GURU DI SELURUH NEGARA DAPAT MEMAINKAN PERANAN LEBIH BERKESAN UNTUK MENENTUKAN MORAL PELAJAR-PELAJAR SELARAS DENGAN KEHENDAK UGAMA BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, DADAH SEDANG MELANDA MASYARAKAT TERUTAMA KAUM PELAJAR SEHINGGA RAMAI BERADA DALAM KEADAAN YANG MEMBIMBANGKAN.

DALAMKATA-KATA ALUAN DI BUKU CENDERAMATA SEMPERNA PERHIMPUNAN HARI GURU PERINGKAT NEGERI JOHOR DI SINI KELMARIN, BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA, KEADAAN ITU TIDAK AKAN BERLAKU JIKA DIBIKAN MORAL YANG BAIK DAN BERKESAN DIBERI KEPADA PARA PELAJAR.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN TUGAS GURU SEKARANG IALAH UNTUK MENGURANGKAN ANCAMAN TERSEBUT DAN SETERUSNYA MEMBASMIKANNYA LANGSUNG. --BERSAMBUNG 1754/MD

6081
MAHATHIR 2 MUAR

+KITA TIDAK MAHU MENGWUJUDKAN GENERASI KHAYAL DI NEGARA INI, KERANA MELALUI GENERASI KHAYAL ITU ANASIR JAHAT SENANG MERESAP DAN AKHIRNYA MASYARKAT AKAN RUNTUH DAN NEGARA AKAN MENJADI MUSNAH,+ TEGAS BELIAU.

APA YANG MENJADI IDAMAN IALAH UNTUK MENGWUJUDKAN MASYARKAT YANG SIHAT BERTANGGUNGJAWAB DAN LENGAP DENGAN ILMU PENGETAHUAN.

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SELURUH KAUM GURU MENJAYAKAN MATALAMAT TERSEBUT SELARAS DENGAN THEME HARI GURU +PENDIDIKAN MORAL DAN ZAMAN KEMAJUAN+, TAMBAHNYA. --BERNAMA 1759/MD